

Bangsa terima rasuah tidak akan maju selamanya

11M 2 1 MAD 2001

KUALA LUMPUR 20 Mac — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bangsa dan negara yang menerima rasuah sebagai amalan biasa akan sentiasa ketinggalan jauh di belakang dan tidak akan maju buat selamanya.

Kata Perdana Menteri masyarakat yang tidak menerima serta menyangkut amalan rasuah menjadi akan lebih cekap dan berdaya saing selagi mempunyai kos sara hidup yang rendah serta keselesaan menguruskan hidup.

Menurut beliau masyarakat yang efisien dan berdaya saing akan mempercepatkan proses kemajuan negara dengan itu memberikan lebih banyak nikmat kepada masyarakat itu berbanding mereka yang bergelumang dengan rasuah.

Ini dapat kita lihat sekarang Bangsa dan negara yang menerima rasuah sebagai amalan biasa semuanya ketinggalan jauh di belakang tidak maju dan tidak berdaya maju sampai bila-bila pun.

Rakyat mereka mengeluh sepanjang masa kerana tertekan dengan rasuah yang perlu dihulur sepanjang jalan semasa berurusan dengan sesiapa sahaja katanya dalam ucapan

tama perasmian seminar Kewibawaan Dalam Perniagaan Langkah Ke Hadapan di sini hari ini.

Seminar sebegini itu dianjurkan bersama oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Menurut Perdana Menteri apabila rasuah tidak dapat dipulihkan dalam sesebuah masyarakat segala kesan buruk akan dirasakan oleh semua orang termasuk pemberi dan penerima rasuah.

Apabila rasuah sudah berleluasa kata beliau mereka yang menerima rasuah juga perlu memberi rasuah dengan itu mereka sebenarnya tidak mempunyai apa-apa keuntungan kerana pendapatan itu digunakan untuk menyogok orang lain.

Apa yang berlaku hanyalah kenaikan kos segala urusan dan barangan sebaliknya jika tidak ada rasuah kos semuanya akan rendah kerana tidak perlu ada perbelanjaan untuk rasuah ujar Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata walaupun undang-undang dan peraturan boleh diadakan bagi membanteras rasuah cara yang paling berkesan untuk me-

UM 2 1 MAR 2001

nagannya ialah melalui budaya atau nilai hidup yang dipegang oleh masyarakat.

Jika masyarakat memandang amalan rasuah sebagai satu jenayah yang amat buruk dan memalukan maka rasuah akan berkurangan.

Sebaliknya jika masyarakat menganggap rasuah sebagai perkara biasa dan menerimanya sebagai sesuatu yang tidak dapat dielak maka rasuah akan berkembang menjadi semakin buruk ujarnya.

Dr Mahathir berkata rasuah boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pertama yang dianggap salah memalukan serta perlu disembunyikan.

Peringkat kedua pula tambah Perdana Menteri yang mana rasuah dianggap biasa melibatkan semua anggota masyarakat sebagai pemberi atau penerima tanpa ada sebarang perasaan bersalah atau memalukan.

Jika semasa rasuah masih di peringkat pertama usaha tidak dibuat untuk mencegah dan membendung amalannya lambat laun ia akan meningkat ke peringkat kedua yang mana ia tidak lagi boleh dikawal ujar beliau.